

07/09/2001

Pelbagai pihak pertikai keikhlasan Lee

KUALA LUMPUR, Khamis - Pelbagai pihak mempersoalkan keikhlasan Singapura menyelesaikan pakej perjanjian dua hala yang dipersetujui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew, kelmarin.

Malah, Lee turut dibidas kerana memberi pandangan yang menggambarkan Singapura tidak mempunyai keyakinan bahawa kerajaan yang diterajui Umno sekarang, akan bertahan lama.

Pengerusi Biro Hal Ehwat Antarabangsa Pergerakan Pemuda Umno Dr Shamsul Anwar Sulaiman berkata, Lee sering bersikap paranoid dan berasa tercabar dengan apa juga yang dimiliki negara jiran, terutama Malaysia.

"Kerana itulah kelantangannya mengkritik Malaysia tidak pernah berhenti. Kenyataan yang memperkecil-kecilkan kerajaan Malaysia tidak sepatutnya keluar dari mulut Lee, terutama selepas dua hari persetujuan itu dicapai.

"Tapi, itulah sikap beliau yang angkuh dan lantang. Sikap tidak sensitif ini akan terus memburukkan hubungan dua hala antara Malaysia dengan Singapura," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Semalam, Lee dalam sidang akhbar pada hari terakhir lawatannya ke Malaysia berkata, Singapura bersetuju menyelesaikan semua isu dengan Malaysia kerana bimbang berlaku perubahan kerajaan di negara ini yang akan menyukarkan lagi rundingan pada masa depan.

Sambil mendakwa pihaknya banyak bertolak ansur kali ini, Lee yang ditanya apakah Singapura bimbang Malaysia akan menyekat bekalan air ke republik itu berkata:

"Saya tidak fikir kerajaan Malaysia akan berbuat demikian tetapi saya tidak pasti apa kerajaan yang tidak waras akan buat. Tiada kerajaan yang rasional akan mengambil langkah yang akan menjurus kepada campur tangan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan tindakan daripada kami untuk mempertahankan kepentingan kami."

Dr Shamsul berkata, kenyataan Lee itu turut menggambarkan satu "ugutan" yang mana Singapura sanggup mengisytiharkan peperangan dengan Malaysia sekiranya kepentingan mereka terancam.

"Saya tidak hairan jika Singapura tiba-tiba akan mengisytiharkan peperangan jika merasa kepentingan mereka terancam. Mereka boleh berbuat demikian, malah sentiasa bersedia untuk menghadapinya," katanya.

Seorang penganalisa politik pula menyoal mengapa Lee yang mengadakan lawatan keduanya dalam masa setahun ini bagi meningkatkan hubungan dua hala, sanggup mengeluarkan pandangan yang menyakitkan hati rakyat negara ini.

"Mengapa dia mendakwa pihaknya banyak bertolak ansur (dalam perjanjian itu) sedangkan semua isu yang ditimbulkan adalah isu yang tertanggung lama dan memang menjadi hak kita.

"Apakah ini, sekali lagi satu propaganda yang dimainkan pihak yang berasa dirinya sebagai watch dog kepada Amerika Syarikat?," katanya.

Bagaimanapun, Naib Presiden Gerakan Datuk Dr S Vijayarajam berkata, kenyataan Lee bahawa kerajaan Singapura lebih suka berurusan dengan kerajaan yang diketuai Umno berbanding kerajaan yang diketuai Pas adalah satu pembuka mata.

Dalam satu kenyataan di sini, beliau berkata, perkara itu besar kemungkinan adalah pendapat am bagi semua anggota Asean.

Vijayarajam berkata negara serantau tidak akan berasa senang jika sebuah negara Islam teokratik terbentuk di Malaysia, dan "anda tidak boleh

lari daripada hakikat ini".

Ketua Pembangkang Datuk Fadzil Noor dalam satu kenyataan, berkata persepsi Lee bahawa kerajaan lain, selain Umno tidak boleh memerintah dan akan mewujudkan masalah dalam hubungan Singapura, adalah sesuatu yang tidak matang dan tidak wajar.

Beliau yang juga Presiden Pas berkata, barisan pembangkang kecewa dengan kenyataan Lee yang bimbang dan merasa akan wujud masalah dalam hubungan republik itu dengan kemungkinan kerajaan baru Malaysia.

(END)